

# **MESYUARAT PROGRAM MANAGEMENT REVIEW PERTAMA DAN LAWATAN KERJA PANGLIMA PENDIDIKAN DAN LATIHAN UDARA KE INSPRA PU KUANTAN**

 [airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3228-mesyuarat-program-management-review-pertama-dan-lawatan-kerja-panglima-pendidikan-dan-latihan-udara-ke-inspra-pu-kuantan](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3228-mesyuarat-program-management-review-pertama-dan-lawatan-kerja-panglima-pendidikan-dan-latihan-udara-ke-inspra-pu-kuantan)

KUANTAN, 23 Mac 18 – Panglima Pendidikan Dan Latihan Udara, YBhg Lt Jen Dato' Kamalruzaman bin Mohd Othman TUDM telah mengadakan Mesyuarat Program Management Review Pertama dan Lawatan Kerja ke Institut Pengurusan Ruang Angkasa (INSPRA) PU Kuantan. Ketibaan Panglima Pendidikan dan Latihan Udara ke INSPRA telah disambut oleh Komandan INSPRA, Kol Tuan Iskandar Dzulkarnain bin Tuan Hassan TUDM.

Dalam rangka lawatan tersebut Panglima Pendidikan dan Latihan Udara telah dibawa melawat ke Simulator ACTS, Simulator DEMS, Simulator ADSS yang terletak di kawasan bangunan sekolah INSPRA dan turut diadakan sesi dialog bersama Pegawai, Staf dan Kakitangan Awam INSPRA.



